



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 19 APRIL 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	FOOD RESERVE PLANS IN THE PIPELINE, THE STAR -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	14 PREMIS NIAGA HASILKAN JUJALAN RM80 JUTA DALAM TEMPOH PKP, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	140 PREMIS RAIH JUJALAN RM80J SEPANJANG PKP, NASIONAL, BH AHAD -16	
4.	140 OUTLETS, PST FAMA BEROPERASI, SELANGOR & KL, SH -33	
5.	FAMA MIRI BANTU JUAL LAMBAKAN HASIL TANI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
6.	PETANI SARAWAK USAH RISAU, FAMA DAN PPNS BANTU PASARKAN HASIL SEPANJANG PKP, TV SARAWAK -ONLINE	
7.	KOLABORATIF BANTU PETANI, NELAYAN JUAL HASIL DALAM TALIAN, SH -ONLINE	
8.	FAMA BANTU PETANI JUAL HASIL PERTANIAN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	
9.	SUMBANGAN HARGAI BARISAN HADAPAN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	
10.	SERAMAI 27,871 PETANI TERIMA MANFAAT, SH -ONLINE	
11.	PETANI DI PERAK LEGA, SH -ONLINE	
12.	FAMA OUTLETS RECORD RM80 MILLION IN SALES DURING MCO, BERNAMA -ONLINE	
13.	FAMA TO ASSIST SARAWAK FARMERS MARKET PRODUCTS DURING MCO, BORNEO TODAY -ONLINE	
14.	SFO, FAMA SPEND RM250,000 TO BUY PRODUCE FROM FARMERS, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	
15.	1,500 KELAH TERBIAR, TIADA PEMBELI, HM -ONLINE	
16.	4 FISHERIES DEPT OFFICERS INJURED IN BOAT EXPLOSION, LOCAL NEWS, NEW SUNDAY TIMES -13	
17.	BEEFING UP FOOD SECURITY, THE STAR -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2020	THE STAR	ONLINE	

## Food reserve plans in the pipeline



PETALING JAYA: A Cabinet Committee on Food Security chaired by the Prime Minister will be set up soon to formulate the National Food Security Policy, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pic).

The move comes amid the Covid-19 pandemic and heightened public concern about present and future food resources.

Kiandee said the pandemic should serve as a wake-up call for Malaysia to improve its food security and safety.

"The agro-food sub sector will be the main focus in the agriculture sector in order to achieve the agenda of improving Malaysia's food security and generating higher income for agriculture frontliners," he told Sunday Star.

Other areas of focus include strengthening the food supply chain, improving support and delivery services, enhancing technological knowledge and promoting greater compliance to good agricultural standards and practices.

"Whether our life will regain its 'normalcy' post Covid-19 or we have to resign to a 'new norm', we can all agree that it is high time to re-evaluate our country's food security policy," he said.

According to Kiandee, a special task force to minimise the impact of Covid-19 on the food supply chain has also been established to coordinate inter-ministerial efforts of the International Trade and Industry, Domestic Trade and Consumer Affairs, and the Agriculture and Food Industry Ministries.

In general, Kiandee said that Malaysia's food supply is at a sufficient level. However, whether everyone gets a sufficient amount of food remains a work in progress.

As such, more needs to be done to improve the food security and safety in Malaysia by ensuring its accessibility, affordability and availability for all, he said.

Malaysia is ranked the 28th out of 113 countries in the Global Food Security Index 2019, ahead of China (35th) and South Korea (29th) but behind Singapore which is ranked first in the world.

The ministry is working towards reducing Malaysia's rice import, currently at 30%, within the next few years.

At the moment, imports of rice by Padiberas Nasional Bhd from countries such as Thailand and Vietnam are continuing as usual despite the movement control order.

One of the main focuses of the Agriculture and Food Industries will be to reduce Malaysia's dependency on imported food products.

To cope with Covid-19, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin recently announced a RM1bil allocation for Malaysia's food security fund and other assistance for farmers, fishermen and those in the agro-food industry.

Kiandee said the ministry would continue searching for new market access and bringing in investors to help agriculture frontliners recover from the effects of Covid-19.

Among the challenges faced in the industry are the low levels of mechanisation and automation, dependency on foreign workers, lack of private investment and funding, difficulty in accessing market, unsustainable subsidy mechanism and a lack of quality seeds and breeds.

"I am certain that the involvement of the younger generation is the key towards bringing in Industrial Revolution 4.0 and modernising the agriculture sector as they are more adept in adopting and learning the latest technologies and techniques," Kiandee said, adding that the ministry provided a grant to encourage mechanisation and automation in agriculture.

At present, only 8.5% farmers are under the age of 40 but targeted programmes are being introduced to increase this number.

Kiandee hoped that the country would be able to produce more "agropreneurs" as Malaysia seeks to improve on food security and safety.

"This way, the next time the country is faced with a global pandemic, we will be ready as our food security level will be more than sufficient to sustain us over a long period of time," said Khandee, thanking agricultural frontliners, who are working around-the-clock during this crisis.

Food security specialist Prof Datuk Dr Nasir Shamsudin said Malaysia should increase investment in agricultural research, improve industry technology and encourage entrepreneurship in order to strengthen the country's food security.

"In terms of food policy, countries that have achieved stable food security generally have a strong record of support for the food production sector," said the professor in agricultural economics at Universiti Putra Malaysia.

Khazanah Research Institute Senior Research Associate Dr Sarena Che Omar called for improved preparedness and an action plan ready to quickly respond to future crises that can detrimentally impact food security.

This could include having a list of shelters and food distribution centres that can be mobilised at short notice and essential sectors pre-approved to move on as usual in the event of an emergency.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 140 premis niaga hasilkan jualan RM80 juta dalam tempoh PKP



KUALA SELANGOR: Sebanyak 140 premis niaga termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jumlah jualan RM80 juta sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jualan di situ membabitkan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebih pengeluaran.

"Ia disebabkan permintaan yang berkurangan berikutan premis pemasaran yang dikurangkan kerana PKP," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media sempena program turun padang di IADA Barat Laut Selangor, hari ini.

Bagaimanapun, kata Ronald, ada lokasi tertentu yang berhadapan dengan masalah lebih pengeluaran disebabkan premis niaga berkurangan.

"Seperti contoh, hotel dan restoran tidak beroperasi sepenuhnya menyebabkan permintaan 'business to business' berkurangan dan sekarang ini, permintaan 'business to consumer' sahaja," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendekatan baharu seperti perniagaan secara dalam talian rancak digunakan sepanjang tempoh PKP.

"Ketika ini, FAMA sedang berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang untuk membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.

"Dengan cara ini, ia diharap dapat mengurangkan isu masalah lebih pengeluaran," katanya.

Mengulas mengenai lawatannya ke kawasan IADA Barat Laut Selangor, Ronald memberi jaminan bekalan beras di negara ini mencukupi sepanjang PKP.

"Lawatan itu bagi melihat bekalan beras negara sentiasa terjamin dan berterusan untuk memastikan rakyat tidak terganggu dari segi bekalan beras.

"Malah, kedudukan kita sebagai pengeluar beras tempatan sebanyak 70 peratus dan kebergantungan terhadap beras import sebanyak 30 peratus menunjukkan Malaysia tidak akan berhadapan masalah besar dari segi bekalan beras negara walaupun dalam tempoh PKP," katanya.

Menurut Ronald, Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) turut memaklumkan beras import dari negara luar seperti Thailand dan Vietnam adalah berterusan dan tidak terganggu sepanjang tempoh PKP.

"Rakyat diminta tidak melakukan pembelian panik kerana pihak kementerian dan agensi bertanggungjawab terhadap bekalan makanan negara akan memastikan perolehan bekalan makanan sentiasa terjamin dan konsisten," katanya.

Headline	140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	19 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	16	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	501 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,589
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,767



Penularan COVID-19

# 140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP

FAMA, agensi pemasaran kurangkan masalah lebihan pengeluaran

**Kuala Selangor:** Sebanyak 140 premis, termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan RM 80 juta sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, berkata jualan membabitkan barangan segar seperti sayur, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian ini sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran.

"Ia disebabkan permintaan berkurangan berikutan premis pemasaran dikurangkan kerana PKP," katanya pada sidang media sempena program turun padang di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, semalam.

Bagaimanapun, kata Ronald, ada lokasi tertentu yang menghadapi lebihan pengeluaran disebabkan premis berkurangan.

"Contohnya, hotel dan restoran tidak beroperasi sepenuhnya menyebabkan permintaan *business to business* berkurangan dan sekarang, permintaan *business to consumer* sahaja," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendekatan baharu seperti perniagaan dalam talian rancak di-



Khandee (tengah) menaiki jentera menuai padi pada program turun padang di kawasan IADA Barat Laut Selangor di Kampung Sawah Sempadan, Tanjung Karang, semalam. (Foto BERNAMA)

gunakan sepanjang PKP.

"Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang untuk membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.

"Dengan cara ini, diharap dapat mengurangkan isu masalah lebihan pengeluaran," katanya.

Sementara itu, mengulas lawatannya ke kawasan IADA Barat Laut Selangor, Ronald memberi jaminan bekalan beras di negara ini mencukupi sepanjang PKP.

"Lawatan ini bagi melihat bekalan beras negara sentiasa terjamin dan berterusan.

"Malah, kedudukan kita seba-

**Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.**

**Ronald Khandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan**

gai pengeluar beras tempatan sebanyak 70 peratus dan kebergantungan terhadap beras import sebanyak 30 peratus menunjukkan Malaysia tidak akan berhadapan masalah besar dari segi bekalan beras negara walaupun dalam tempoh PKP," katanya.

Menurut Ronald, Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) turut memaklumkan beras import seperti dari Thailand dan Vietnam berterusan dan tidak terganggu sepanjang PKP.

"Rakyat diminta tidak melakukan pembelian panik kerana pihak kementerian dan agensi bertanggungjawab memastikan perolehan bekalan makanan sentiasa terjamin dan berterusan," katanya.

Headline	140 outlet, PST FAMA beroperasi		
Media Title	Sinar Harian		
Date	19 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	Article Size	375 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Izzatul Izzuan Tahir	Ad Value	RM 7,950
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,850



# 140 outlet, PST FAMA beroperasi

Catat jualan sehingga RM80 juta sepanjang PKP

Oleh MOHD IZZATUL IZZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

**S**ebanyak 140 outlet termasuk pusat Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara mencatatkan jumlah jualan sehingga RM80 juta sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, konsep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih itu membabitkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.



FOTO: ROSLI TALIB

Ronald (tengah) bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) melihat sawah padi di Kampung Sawah Sempadan di Tanjung Karang semasa program turun padang ke kawasan IADA Barat Laut Selangor semalam.

Menurutnya, PST di outlet peruncitan terpilih di Malaysia secara berperingkat itu melibatkan agensi iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

"Fama dan tiga agensi pemasaran lain turut mewujudkan

kan pelbagai outlet termasuk kewujudan 70 PST beroperasi di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Turun Padang ke Kawasan di Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor semalam.

Bagaimanapun, katanya, FAMA dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian itu sentiasa berusaha me-

ngurangkan masalah lebih pengeluaran disebabkan permintaan berkurangan semasa tempoh PKP.

Ronald berkata, lambakan barangan segar berpunca daripada penurunan permintaan oleh restoran dan hotel yang tidak beroperasi sepanjang PKP.

Justeru, katanya, pemain industri sudah mengambil ini-

siatif menangani masalah lambakan barangan segar itu menerusi kaedah permagaan atas talian.

"FAMA berusaha membantu pengeluar makanan melalui atas talian dan dapat mengurangkan beban ditanggung pengusaha makanan sepanjang PKP ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, bekalan beras negara dijamin mencukupi meskipun sepanjang tempoh PKP.

"Kedudukan sebagai pengeluar beras 70 peratus tempatan dan 30 peratus kebergantungan beras import menunjukkan Malaysia tidak berdepan masalah sepanjang PKP," katanya.

Katanya, stok semasa beras tempatan di peringkat kilang, pemborong dan peruncit berjumlah kira-kira 500,000 tan metrik dalam satu masa.

Tambah Ronald, kementerian akan terus memantau bagi memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## FAMA Miri bantu jual lambakan hasil tani



**DAPAT SAMBUTAN:** Jackson (berdiri, tiga kiri) semasa aktiviti Jualan Terus Dari Ladang anjuran FAMA Daerah Miri dan PPK Subis di Miri, semalam. **MIRI:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Miri menyediakan program 'Jualan Terus Dari Ladang' bagi membantu petani tempatan menjual lambakan produk mereka terus kepada pengguna.

Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian Sarawak Jackson Nanta Bernabas Baie berkata, aktiviti itu bertujuan mengurangkan kerugian petani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Walaupun harga lebih murah, namun lebih baik daripada produk itu rosak dan buruk di ladang.

"Sekurang-kurangnya petani dapat balik modal dan mendapat sedikit pulangan daripada langsung tiada," katanya ketika ditemui di program itu yang diadakan di FAMA Miri, berhampiran Kompleks Islam Sarawak, Miri semalam.

Jackson menambah, program jualan setiap hari itu dianjurkan bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Subis dan FAMA Miri.

Katanya, minggu lepas mereka berjaya menjual kira-kira 13 tan produk tani seperti tembikai, tembikai madu, pelbagai jenis pisang dan sayur-sayuran.

Katanya, kebanyakan petani yang menghantar produk ke situ dari kawasan Miri selain Niah, Bakong dan Bekenu.

"Sesiapa sahaja boleh menghantar produk pertanian yang tidak dapat dijual ke sini.

"Selain dijual untuk orang awam, terdapat pemborong yang membeli untuk dibawa ke Bintulu," katanya sambil menambah dalam sehari mereka menerima kira-kira ialah lima tan pelbagai produk tanaman.

Sejak dilaksanakan minggu lepas, program jualan lambakan itu mendapat sambutan dengan jualan mencecah kira-kira RM22,000.

Selain itu, produk yang tidak habis dijual turut disumbangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, barisan hadapan dan wakil rakyat untuk diagihkan kepada orang yang memerlukan.

Sementara itu, pasar yang dibuka mulai jam 9.30 pagi hingga 2 petang itu mendapat sambutan menggalakkan daripada orang awam yang mahu membeli dengan harga murah.

Tinjauan mendapati produk seperti tembikai madu dan tembikai dijual dengan harga RM3 sekilogram, pisang kepok dan pisang hotel RM1.50 sekilogram manakala sayur-sayuran seperti peria, timun dan petola RM1.50 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2020	TV SARAWAK	ONLINE	

## Petani Sarawak Usah Risau, FAMA Dan PPNS Bantu Pasarkan Hasil Sepanjang PKP



KUCHING : Para petani di Sarawak boleh menarik nafas lega apabila pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersetuju membantu mengumpul hasil petani dan membawanya ke pasar-pasar.

Usaha ini juga sekaligus boleh menjana pendapatan petani sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Menurut Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas setakat ini (antara 6 April) sehingga semalam, sejumlah 13,462 kilogram (kg) sayur-sayuran dan 88,182 kg buah-buahan daripada petani di pelbagai daerah telah dibeli oleh PPNS.

Pembelian itu telah melibatkan kos keseluruhan RM36,984.63 untuk sayur dan RM157,321.59 untuk buah

"Begitu juga FAMA yang telah membeli 1,425 kg sayur-sayuran dengan harga RM3,342.30 dan RM40,884 untuk 19,979.5 kg buah-buahan pada tempoh yang sama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak, usaha itu sekaligus memberi manfaat kepada pengguna di seluruh negeri selain melancarkan bekalan rantaian makanan semasa PKP dan juga dapat mencegah lebih hasil pertanian yang tidak dijual.

Dalam pada itu beliau meminta semua petani agar mendapatkan bantuan daripada pejabat pertanian dan FAMA terdekat sekiranya menghadapi masalah dalam menjual hasil pertanian mereka.

Baru-baru ini Uggah pernah mengumumkan peruntukan RM1.5 juta kepada PPNS dan tambahan peruntukan RM200,000 kepada FAMA untuk membeli hasil petani dan menganjurkan Pasar Tani.

Sejumlah RM600,000 diperuntukkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut diumumkan bagi membeli hasil tangkapan nelayan di negeri ini.

"Inisiatif ini jelas menunjukkan kerajaan negeri Sarawak amat prihatin terhadap kebajikan petani dan nelayan kerana mereka memainkan peranan penting terhadap rantaian makanan kita," katanya.



18 APR, 2020

## Kolaboratif bantu petani, nelayan jual hasil dalam talian

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Kolaboratif bantu petani, nelayan jual hasil dalam talian

**KUALA LUMPUR** - Golongan petani dan nelayan bakal mendapat galakan daripada penjualan dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama Shopee.

Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan, FAMA, LKIM, NEKMAT dan Shopee bekerjasama secara eksklusif untuk melancarkan kedai rasmi Agrobazaar\_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang itu untuk membolehkan hasil segar serta makanan laut dihantar terus kepada rakyat.

“Di kedai FAMA, pengguna dapat membeli pelbagai hasil pertanian manakala kedai NEKMAT pula menawarkan makanan laut segar beku dan produk yang diproses termasuk makanan ringan,” menurut kenyataan itu di sini semalam.

Dalam pada itu, kenyataan tersebut turut memaklumkan satu kempen Hasil Segar Shopee akan diadakan pada 20 hingga 21 April 2020 dari kedai rasmi FAMA di [https://shopee.com.my/agrobazaar\\_fama](https://shopee.com.my/agrobazaar_fama) dan NEKMAT di <https://shopee.com.my/nekmat.os>.

18 APR, 2020

## Kolaboratif bantu petani, nelayan jual hasil dalam talian

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Golongan petani dan nelayan bakal mendapat galakan daripada penjualan dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Iktik Malaysia (LKIM) bersama Shopee. Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan, FAMA, LKIM, NEKMAT dan Shopee bekerjasama secara eksklusif untuk melancarkan kedai rasmi Agrobazaar\_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang itu untuk membolehkan hasil segar serta makanan laut dihantar terus kepada rakyat.

18 APR, 2020

## FAMA bantu petani jual hasil pertanian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA bantu petani jual hasil pertanian

ALEXANDRA LORNA

**KUCHING:** Pertubuhan Peladang Negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah banyak membantu petani di seluruh negeri dalam menjual hasil mereka semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid-19.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah berkata, kedua-dua organisasi melalui unit masing-masing di peringkat daerah telah membantu mengumpulkan hasil petani. "Mereka kemudian membawanya ke pasar sehingga menghasilkan pendapatan bagi petani," kata Uggah, semalam.

Beliau berkata, bahawa usaha seperti itu juga menguntungkan pengguna dan

memastikan bekalan rantai makanan tidak terjejas semasa krisis ini.

"Misalnya, Pertubuhan Peladang, bermula 6 April hingga 16 April 2020, telah membeli sejumlah 13,462 kilogram sayur-sayuran dan 88,182 kilogram buah dari petani.

"Ini dilakukan oleh 17 unit wilayahnya di pelbagai daerah. Mereka telah membayar RM36,984.63 untuk sayur-sayuran dan RM157,321.59 untuk buah-buahan," jelas Uggah.

Uggah menambah begitu juga, FAMA juga telah menjalankan tugasnya.

"Dalam tempoh yang sama, FAMA telah membeli 1,425 kilogram sayur dengan harga RM3,342.30.

"Mereka juga membeli 19,979.5 kilogram buah dengan harga RM40,884," katanya. Uggah mengatakan

kedua-dua organisasi akan terus membantu petani di negeri ini.

Beliau turut sekali lagi meminta para petani untuk pergi ke pejabat pertanian dan FAMA terdekat mereka jika mereka mengalami masalah dalam penjualan.

Uggah dalam satu kenyataan baru-baru ini menyatakan bahawa Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pertanian Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada Pertubuhan Peladang Sarawak untuk membeli hasil dari petani melalui kawasan Pertubuhan Peladang di seluruh negeri. "Selain itu sejumlah RM200,000 telah diperuntukkan kepada pejabat FAMA di seluruh negeri untuk membeli hasil petani dan untuk mengatur Pasar Tani," kata beliau.

Uggah yang juga Men-



**PERTUBUHAN** Peladang Julau membeli sayur cangkuk manis seberat 168kg daripada petani sayur di Julau.

teri Pemodenan Pertanian, Tanah Asli dan Pembangunan Wilayah menambah untuk nelayan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM600,000 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk membeli hasil tangkapan mereka.

"Inisiatif di atas jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Sarawak sangat pri-

hatin terhadap kebajikan petani dan nelayan.

"Mereka adalah pihak yang sangat penting dalam rantai makanan kita dan oleh itu, kita akan mencari penyelesaian ini untuk mereka," Uggah berkata.

Dalam komennya, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Asli dan Pamban-

gunan Wilayah Edwin Abit menyifatkan kedua-dua organisasi itu sebagai barisan hadapan penting dalam membantu masyarakat dalam krisis.

"Jaringan perkhidmatan ini di seluruh rantai bekalan yang merangkumi FAMA adalah sesuatu yang harus kita banggakan," katanya.



18 APR, 2020

## FAMA bantu petani jual hasil pertanian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Pertubuhan Peladang Negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah banyak membantu petani di seluruh negeri dalam menjual hasil mereka semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid-19. Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah berkata, kedua-dua organisasi melalui unit masing-masing di peringkat daerah telah membantu mengumpulkan hasil petani. "Mereka kemudian membawanya ke pasar sehingga menghasilkan pendapatan bagi petani," kata Uggah, semalam.



18 APR, 2020

## Sumbangan hargai barisan hadapan

Utusan Sarawak, Malaysia

# Sumbangan hargai barisan hadapan

### JIKU JUGUONG

**MARUDI:** Jabatan Pertanian Daerah Marudi dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan

Baram (PPKB) dan Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) menyumbang 275.5 kilogram pisang kapok dan 11.5 kilogram pisang keling masing-masing kepada Balai Polis

Marudi dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Marudi. Sumbangan tersebut diserahkan oleh Penolong Pegawai Pertanian selaku Pegawai Menguasa Jabatan Pertanian, Sima Lait

kepada wakil Ketua Polis Daerah Marudi, Inspektor Conny Siong dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Marudi, PFGB Maureen Sim Ah Lian.

Sima berkata, sumbangan ini adalah untuk menghargai barisan hadapan yang telah banyak berjasa dan berkerja bertungkus-lumus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan wabak Covid-19.

Sementara itu, Inspektor Conny Siong menghargai sumbangan daripada Jabatan Pertanian, PPKB dan FAMA dan akan dibahagikan kepada barisan hadapan yang lain dan semua staf di balai polis yang bertugas.

Wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Marudi, Maureen Sim berter-



**TERIMA KASIH...** Sima Lait menyerahkan sumbangan kepada Ketua Balai Bomba Marudi, Maureen Sim Ah Lian.

ima kasih kepada Jabatan Pertanian serta PPKB dan FAMA yang telah mengambil peluang ini untuk membuat khidmat kemasyarakatan kepada semua petugas terutama barisan hadapan pada musim PKP ini. Maureen sangat ber-

terima kasih atas sumbangan tersebut dan dibahagikan kepada semua penghuni seramai 28 keluarga di flat bomba.

Turut hadir, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Baram, Lydia Sinan Ajon.



**PENGHARGAAN...** Wakil ketua Polis Daerah Marudi, Inspektor Conny Siong menerima sumbangan daripada Sima Lait dari Jabatan Pertanian Marudi.



18 APR, 2020

## Sumbangan hargai barisan hadapan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**MARUDI:** Jabatan Pertanian Daerah Marudi dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan

Baram (PPKB) dan Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) menyumbang 275.5 kilogram pisang kapok dan 11.5 kilogram pisang keling masing-masing kepada Balai Polis

Marudi dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Marudi. Sumbangan tersebut diserahkan oleh Penolong Pegawai Pertanian selaku Pegawai Menguasa Jabatan Pertanian, Sima Lait

**PENGHARGAAN...** Wakil ketua Polis Daerah Marudi, Inspektor Conny Siong menerima sumbangan daripada Sima Lait dari Jabatan Pertanian Marudi.

18 APR, 2020

## Seramai 27,871 petani terima manfaat

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Seramai 27,871 petani terima manfaat

**SEHINGGA** 15 April lalu, seramai 27,871 petani di Perak mendapat manfaat hasil pelaksanaan Skim AgroPrihatin.

Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya berkata, daripada RM1 juta yang diperuntukkan, RM350,000 digunakan untuk membeli hasil tanaman petani yang tidak terjual.

Menurutnya, pelaksanaan skim itu turut mendapat sokongan kuat Jabatan Pertanian Perak dan FAMA Perak. "Setakat ini RM350,000 iaitu kira-

kira 200 tan buah-buahan dan sayur-sayuran dibeli oleh PPPNP. Kita beli hasil yang tidak terjual kerana pemborong masih membeli namun bukan dalam kuantiti sebelum ini," katanya.

Yahanis berkata, kesemua hasil yang dibeli bukan sahaja dijual semula kepada peraih atau pemborong tetapi turut dihantar ke dapur berpusat Ipoh untuk menyediakan makanan kepada petugas barisan hadapan, selain dibagikan secara percuma kepada rakyat memerlukan.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuh-

an Peladang Kawasan (PPK) Hutan Melintang, Datuk Khairuddin Tarmizi berkata, pelaksanaan Skim AgroPrihatin itu ternyata melegakan ahli-ahli PPK.

Katanya, di Hutan Melintang dan Bagan Datuk berlaku lambakan kelapa sepanjang PKP menyebabkan pekebun kecil hilang sumber pendapatan.

"Dengan adanya skim ini, pekebun kecil di sekitar daerah Bagan Datuk masih boleh menjual kelapa mereka kepada FAMA.

"Terima kasih kepada Menteri Besar Perak atas usaha melaksanakan skim ini," katanya.

Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman berkata, semua pengusaha pertanian di Perak perlu memanfaatkan Skim AgroPrihatin kerana petani di negeri lain cemburu dengan usaha dilakukan oleh kerajaan Perak.

Beliau berkata, petani yang ada lebih tanaman tidak terjual boleh berhubung dengan PPPNP, Jabatan Pertanian Perak dan FAMA Perak.

18 APR, 2020

## Seramai 27,871 petani terima manfaat

---

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SEHINGGA 15 April lalu, seramai 27,871 petani di Perak mendapat manfaat hasil pelaksanaan Skim AgroPrihatin. Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya berkata, daripada RM1 juta yang diperuntukkan, RM350,000 digunakan untuk membeli hasil tanaman petani yang tidak terjual. Menurutnya, pelaksanaan skim itu turut mendapat sokongan kuat Jabatan Pertanian Perak dan FAMA Perak. "Setakat ini RM350,000 iaitu kirakira

200 tan buah-buahan dan sayursayuran dibeli oleh PPPNP.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Petani di Perak lega



Yahanis (kanan), Norsiyenti dan Timbalan Pengarah FAMA Perak, Idris Tahir melihat buah betik yang dibeli daripada petani di pusat pengumpulan FAMA di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, Gopeng.

IPOH - Tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan tempoh yang begitu mencabar.

Justeru, kerajaan Perak menjadi negeri terawal tampil dengan pelbagai inisiatif untuk memastikan kebajikan rakyat dijaga dengan baik.

